

25/11/1997

Badan khas pastikan pengurusan telus

Jami'ah Shukri

IPOH, Isnin - Kabinet mengarahkan semua peringkat termasuk kementerian, jabatan, kerajaan negeri dan daerah menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Jabatan Kerajaan untuk memastikan ketelusan pengurusan pentadbiran, pada masa depan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata arahan penubuhan jawatankuasa itu secara terperinci dikeluarkan Januari depan.

Menurutnya, bagaimanapun, arahan itu sudah dikeluarkan kepada semua setiausaha kerajaan negeri supaya bersedia melaksanakannya secepat mungkin.

"Jawatankuasa itu akan mengadakan mesyuarat perhubungan setiap tiga bulan untuk menyelaraskan dasar kerajaan dan pelbagai perkara termasuk hal ehwal pengurusan dan masalah yang timbul di peringkat jabatan, negeri dan daerah.

"Semua laporan itu perlu dihantar setiap tiga bulan sekali kepada jawatankuasa peringkat negeri yang dipengerusikan oleh menteri besar, peringkat daerah diketuai pegawai daerah dan jawatankuasa pusat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Laporan itu membentangkan secara menyeluruh mengenai pentadbiran, pengurusan, kewangan dan disiplin semua kakitangan kerajaan di sesuatu jabatan, negeri dan daerah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan dan Negeri di sini, hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Shafee Yahaya; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Habib Mansor.

Mesyuarat hampir dua jam itu yang juga dihadiri oleh semua setiausaha kerajaan negeri di seluruh negara itu turut membincangkan Akta Pencegah Rasuah 1997 yang baru luluskan serta tindakan yang perlu diambil untuk membanteras masalah rasuah.

Abdul Halim berkata, pihaknya percaya melalui mesyuarat jawatankuasa itu ia dapat mengesan pelbagai kelemahan yang timbul dan boleh menjejaskan prestasi serta perjalanan pentadbiran termasuk masalah gejala rasuah.

"Antara matlamat utama penubuhan jawatankuasa itu untuk membanteras kegiatan rasuah sepenuhnya dan melahirkan pentadbiran lebih baik serta bersih dalam perkhidmatan awam dan kerajaan.

"Melalui jawatankuasa itu, kita juga dapat memberikan pengiktirafan cemerlang kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkhidmat dengan cemerlang," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai pentadbiran kerajaan Perak, beliau berkata, pihaknya berpuas hati dengan semua projek dilaksanakan di negeri itu.

Menurut beliau, pihaknya percaya beberapa masalah kelewatan projek yang dirancangkan itu dapat diatasi oleh kerajaan negeri.

(END)